

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG)

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 95

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan bagi mengukuhkan perpaduan dan keharmonian antara kaum di negara ini di mana masyarakat berbilang kaum berhadapan perpecahan atas pelbagai isu dan dasar Kerajaan.

**JAWAPAN : [YB SENATOR WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY],
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang di-Pertua,

Sebagaimana kita sedia maklum, meskipun Kerajaan baharu telah pun dibentuk melebihi tempoh satu tahun selepas PRU14, masih terdapat desas-desus bahawa Malaysia di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan mendepani pelbagai isu dan insiden yang sukar dijangka rupa bentuknya terutama di dalam mengurus kerumitan masyarakat pelbagai kaum dan agama. Keadaan ini disebabkan oleh tindakan individu-individu yang tidak bertanggungjawab yang dengan sengaja cuba memainkan sentimen perkauman, keagamaan dan isu diskriminasi sehingga boleh menjejaskan keharmonian negara.

Justeru, sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa kadang-kala segolongan masyarakat akan bertindak mengikut naluri (*react instinctively*) apabila sesuatu isu dimanipulasikan sehingga mengungkitkan sentimen perkauman walaupun pada asasnya ia

merupakan suatu isu sosial yang hanya menyebabkan ketidakpuasan hati antara individu atau kumpulan kaum yang berbeza. Namun dalam banyak situasi sebegini, masyarakat Malaysia berjaya menyelesaikan isu-isu ini dengan segera melalui mekanisme perundingan atas dasar mengelakkan sebarang konflik yang boleh menjejaskan keharmonian negara atau ringkasnya, "***we talk conflict but we walk cohesion***".

Oleh itu, andaian bahawa masyarakat berbilang kaum di negara ini berhadapan dengan perpecahan atas dasar Kerajaan adalah tidak benar sama sekali.

Sekian, terima kasih.